



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**Y.B DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
PENGERUSI RISDA**

**SEMPENA**

**RISDA FEST 2017 RISDA NEGERI PERLIS**

**TEMPAT : TASOH LAKE RESORT, PERLIS  
TARIKH : 25 FEBRUARI 2017 (SABTU)  
MASA : 11.00 PAGI**

## **Salutasi**

- 1. Ybrs. Pengerusi Majlis**
- 2. Ybhg.Pn.Hjh Halimah bt.Abd Kadir  
Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan  
Mewakili Ketua Pengarah RISDA**
- 3. Ybrs.En.Ramlie bin Tumin  
Pengarah RISDA Negeri Perlis**
- 4. Ybhg.En.Abdullah bin Zainal  
Pengarah Bahagian Pejabat Ketua Pengarah**
- 5. Yang Dikasihi Usahawan-usahawan RISDA Negeri Perlis**
- 6. Rakan-rakan media**
- 7. Tuan Puan hadirin hadirat sekalian**

**Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa,**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayahNya kita semua dapat berkumpul di Tasoh Lake Resort, Perlis ini bagi sama-sama menjayakan Majlis Perasmian RISDA Fest 2017 RISDA Negeri Perlis. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Tasoh Lake Resort, Perlis di atas kesudian memberikan ruang dan tempat untuk menjayakan RISDA Fest 2017 RISDA Negeri Perlis kali ini. Sekalung penghargaan juga kepada pengurusan RISDA dan usahawan RISDA Negeri Perlis beserta usahawan-usahawan dari agensi lain yang bekerjasama bersama – sama memastikan karnival ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang.
2. Untuk makluman hadirin, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) akan meneruskan inisiatif Transformasi Luar Bandar pada tahun ini dengan lebih memfokuskan kepada pelaksanaan projek atau program *touch points* yang bersifat Rakyat Centric dan boleh dilaksanakan dalam

tempoh yang singkat. Program sebegini juga akan dapat memastikan masyarakat luar bandar memperoleh manfaat menyeluruh samada dari segi prasarana, ekonomi, perumahan dan pendidikan. Impak pelaksanaan program-program ini akan menjadikan kawasan luar bandar lebih kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan sekaligus menggalakkan generasi muda untuk terus kekal menetap dan membina masa depan di luar bandar. Bagi memastikan pelaksanaan program tersebut dibuat dengan cekap, sesetengah projek akan dilaksanakan melalui kerjasama agensi-agensi pelaksana secara kaedah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) seperti MoU RISDA bersama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) untuk penanaman nanas MD2 di Johor yang telah kita meterai pada bulan Januari 2017 yang lalu.

3. Pada tahun ini pihak RISDA pula akan memberi fokus kepada 6 bidang utama iaitu :
  1. Melaksanakan prasarana asas pertanian di bawah fokus Prasarana Luar Bandar
  2. Melaksanakan Rumah Bina Negara di bawah fokus Pembangunan Luar Bandar

3. Pembangunan tanam semula di bawah fokus Ekonomi
  4. Pembangunan Keusahawanan dan Aktiviti Ekonomi Tambahan di bawah fokus Keusahawanan
  5. Bimbingan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Pembangunan Modal Insan di bawah fokus Modal Insan, dan
  6. Pelantikan Pegawai Seranta RISDA dan Pemaju Masyarakat RISDA di bawah fokus Sistem Penyampaian.
4. Selaku Pengerusi RISDA, saya amat kagum dengan perkembangan RISDA yang berusaha sebaik mungkin untuk memartabatkan kesejahteraan pekebun kecil. RISDA telah bergerak maju jauh berkembang ke hadapan untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat pekebun kecil dengan pelbagai transformasi melalui program-program pembangunan seperti Keusahawanan. Pada tahun 2017 ini sebanyak RM 27 juta diperuntukkan oleh Kerajaan untuk aktiviti-aktiviti keusahawanan merangkumi Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET), pembangunan produk, premis perniagaan dan

pemasaran, pameran dan promosi dan jaringan strategik.

5. Pada pandangan saya, bagi memastikan usahawan-usahawan RISDA dapat kekal bersaing di masa depan, usahawan mestilah menambah nilai produk usahawan dengan meningkatkan keupayaan bersaing dan menempatkan produk di dalam pasaran merangkumi kemahiran, R&D dan inovasi, pembungkusan dan pelabelan, akreditasi dan persijilan. RISDA turut menyediakan platform bagi membantu usahawan memasarkan barangan/produk mereka dengan menyediakan bantuan premis perniagaan. Ini dilaksanakan sama ada dengan bina baru, disewa atau dibeli di atas tanah milikan RISDA atau bukan milik RISDA atau sebarang bentuk bangunan yang boleh digunakan sebagai premis perniagaan. RISDA juga telah menubuhkan 5 buah RisSmart di seluruh Negara bagi memastikan produk usahawan dapat dipasarkan kepada pengguna. Di bawah fokus pemasaran, RISDA telah menjalankan pelbagai program *quick win*. RISDA akan memberi latihan dan peralatan yang diperlukan seterusnya usahawan boleh terus menjalankan perniagaan dan menjana pendapatan setelah tamat

bengkel. Antara program yang dijalankan ialah Program Pembangunan Vendor, Mentor Mentee, *Groom Big*, Rakan Niaga dan Integrator. Sehubungan itu, dengan peluang dan ruang yang telah disediakan wajarlah semua usahawan pekebun kecil merebut peluang ini bagi menambah rangkaian perniagaan dan pemasaran masing-masing.

6. Sesungguhnya usaha melahirkan usahawan dalam kalangan Bumiputera ini akan lebih berjaya dengan adanya penglibatan daripada para usahawan yang telah menempa kejayaan dalam perniagaan masing-masing. Pengalaman, bimbingan serta tunjuk ajar daripada kalangan usahawan yang telah berjaya ini amat perlu untuk dijadikan sumber rujukan penting bagi usahawan-usahawan baru. Saya percaya, usahawan-usahawan yang telah berjaya ini sudah menempuhi pelbagai rintangan dan cabaran sepanjang mengusahakan perniagaan mereka. Justeru, penglibatan para usahawan yang telah berjaya ini boleh membantu terutama dalam konteks berkongsi pengalaman semasa memulakan perniagaan sehinggalah bergelar usahawan berjaya.

7. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada penerima – penerima anugerah usahawan pada pagi ini dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada RISDA Negeri Perlis atas dedikasi dan kesungguhan untuk menganjurkan karnival ini dan mengangkat serta memartabatkan produk – produk tempatan. Syabas dan tahniah saya ucapkan! **Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikam RISDA Fest 2017, RISDA Negeri Perlis.**

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Terima Kasih**